

Headline **Tongkat Ali lebih hebat dihasilkan**
Date **04 Aug 2010**
MediaTitle **Harian Ekspres (KK)**
Section **Tempatan**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **29,826 / 97,836**

Language **Malay**
Page No **1**
Article Size **45 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **93**
PRValue **278**



Tongkat Ali lebih hebat dihasilkan

KUALA LUMPUR: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) berjaya menghasilkan kandungan bahan kimia Tongkat Ali yang mempunyai khasiat lebih tinggi berbanding Tongkat Ali yang tumbuh semula jadi.

Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr Abd. Latif Mohmod berkata bahan kimia itu diperolehi dari akar rerambut Tongkat Ali yang dihasilkan di dalam makmal FRIM menerusi alat bioreaktor.

"Kekuatan bahan kimia Tongkat Ali jenis ini adalah tiga kali ganda lebih hebat," katanya kepada pemberita pada majlis perasmian Seminar Tumbuhan Ubatan dan Beraroma Ke-12 di sini pada Selasa.

Beliau berkata kaedah itu juga akan memendekkan tempoh masa untuk mengambil hasil Tongkat Ali.

"Dengan menggunakan bioreaktor, Tongkat Ali yang biasanya akan mengambil masa tujuh hingga lapan tahun untuk diambil akarnya, hanya akan mengambil masa enam bulan sahaja," katanya. - Bernama